



JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH

Wisma Kewangan
Jalan Tunku Abdul Rahman
Beg Berkunci No. 2058
88595 Kota Kinabalu
Sabah, Malaysia



Tel.: 088-272000 Faks: 088-212655 E-mel: bn.jbn@sabah.gov.my

100-4/10/()

Bil. JBNS:

Tarikh : 11 November 2016

Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri

Semua Ketua Jabatan Negeri

Semua Pegawai Daerah

Semua Penolong Pegawai Daerah

Y.Bhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING JABATAN BENDAHARI BIL. 12 TAHUN 2016 PELAKSANAAN SISTEM PETROL.OIL.LUBRICANT(POL)

1. TUJUAN

Surat pekeliling ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan kepada jabatan pengguna tentang pelaksanaan secara dalam talian urusan mengambil, mentadbir dan memperakaunkan urusniaga P.O.L melalui **Sistem POL** secara berperingkat.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Pada masa ini proses untuk mengambil P.O.L di stesyen minyak JKR adalah secara manual melalui pengisian borang **P.O.L Requisition** oleh Jabatan pengguna. Caj perbelanjaan P.O.L akan dikenakan secara langsung kepada vot dan kod Jabatan pengguna masing-masing mengikut vot kod yang



dinyatakan dalam borang Requisition P.O.L melalui penyediaan baucer KEW.300-A1 oleh Kerani Stor , JKR

- 2.2 Pengenaan caj perbelanjaan P.O.L secara langsung kepada vot kod Jabatan pengguna di Sistem Akaun Utama tanpa waran peruntukan atau surat kebenaran berbelanja telah menyebabkan vot kod Jabatan pengguna **terlebih belanja** kerana tidak ada kawalan. Prosedur sedemikian juga adalah tidak teratur dan bercanggah dengan **Arahan Perbendaharaan AP.94.**
- 2.3 Selaras dengan perkembangan teknologi dan demi untuk memperbaiki kelemahan prosedur yang sedia ada , **Sistem POL** telah dibangunkan dengan mengambilkira semua aspek termasuklah ciri -ciri keselamatan data P.O.L dan pematuhan tatacara kewangan.

3. SISTEM POL

Sistem POL telah dibangunkan hasil kerjasama padu diantara Jabatan Bendahari Negeri , Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri dan Jabatan Kerja Raya. **Sistem POL** adalah satu **sistem secara dalam talian** yang telah diintergrasikan dengan **Sistem S3P** . Peranan sistem S3P adalah digunakan untuk memproses penyaluran/pengagihan Waran Peruntukan perbelanjaan P.O.L ke **Sistem POL**.

Menu Sistem POL melibatkan proses-proses seperti yang berikut:-

- (i) Proses permohonan P.O.L melalui **Sistem POL**
- (ii) Proses pengambilan P.O.L menggunakan pam minyak digital di stesyen minyak , JKR.
- (iii) Proses ekspot/import transaksi harian sistem pam minyak digital.

- (iv) Proses pengumpulan transaksi keseluruhan stesyen minyak dan penetapan harga sebenar untuk bulan berkenaan.
- (v) Proses muat naik maklumat perbelanjaan sebenar penggunaan P.O.L ke Sistem Akaun Utama dan Sistem S3P Jabatan masing-masing.

4. OBJEKTIF

Objektif pelaksanaan Sistem **POL** adalah bagi:

- i. Mempercepatkan urusan pengambilan P.O.L .
- ii. Meletakkan kepercayaan penuh ke atas peranan Ketua Jabatan/Pegawai Pengawal sebagai individu yang dipertanggungjawabkan untuk menguruskan hal-hal berkaitan peruntukan di bawah seliaannya dengan lebih telus dan teratur.
- iii Menangani masalah terlebih belanja di vot kod P.O.L Jabatan pengguna
- iv Menjimatkan kos pencetakan kerana tidak perlu mencetak borang POL requisition dan KEW-300-A1
- v Membolehkan Jabatan pengguna mendapat maklumat perbelanjaan P.O.L dengan serta merta.
- vi Mengelakkan pengambilan P.O.L tanpa kebenaran daripada Pegawai Pengawal

5. PERINGKAT PELAKSANAAN SISTEM POL

- 5.1 Pelaksanaan **Sistem POL** akan dilakukan secara berperingkat dan mengikut zon. Pada masa ini pam minyak digital hanya terdapat di Pusat Stor JKR, Putatan. Oleh yang demikian, Jabatan pengguna yang berada disekitar zon Kota Kinabalu adalah disarankan untuk menggunakan **Sistem POL** berkuatkuasa **1 December 2016.**

PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI BIL.12 TAHUN 2016, BTH: 11 NOVEMBER 2016

- 5.2 Pelaksanaan **Sistem POL** bagi Jabatan pengguna yang berada di luar daerah atau zon Kota Kinabalu adalah tertakluk kepada surat pemberitahuan/pemakluman oleh Jabatan Kerja Raya.
- 5.3 Selaras dengan AP.94 dan untuk mengelakkan vot kod Jabatan Pengguna terlebih belanja seperti dinyatakan di para 2.2, semua Pegawai Pengawal atau Pemegang Waran Peruntukan **diwajibkan** untuk menyerahkan sejumlah peruntukan untuk perbelanjaan P.O.L tahunan kepada pihak Jabatan Kerja Raya pada awal tahun. Arahan ini **berkuatkuasa pada Tahun Kewangan 2017** dan adalah terpakai kepada proses pengambilan P.O.L samada secara manual ataupun melalui **Sistem POL**.

6. CAPAIAN SISTEM

- 6.1 **Sistem POL** boleh dicapai dengan paparan terbaik menggunakan pelayar internet *Chrome* dengan menaip alamat URL <https://10.45.56.58/pol>
- 6.2 Bagi memahami cara pengendalian **Sistem POL**, pengguna sistem akan diberi latihan.

7. TANGGUNGJAWAB JABATAN PENGGUNA

Untuk menggunakan **Sistem POL**, Jabatan pengguna adalah bertanggungjawab untuk:-

- (i) Mengemaskini inventori asset (kenderaan/loji/generator) di sistem **SISPHAN**.
- (ii) Menyalurkan waran peruntukan kecil menggunakan Sistem S3P ke **Sistem POL**.
- (iii) Memproses permohonan P.O.L melalui **Sistem POL**.

- (iv) Mengemukakan senarai nama pegawai yang dilantik mengendalikan **Sistem POL** untuk pendaftaran ID pengguna.

8. MAKLUMAT AM

- 8.1 Dengan pelaksanaan **Sistem POL**, Jabatan pengguna tidak perlu mengisi Borang P.O.L Requisition. **Sistem POL** akan mengeluarkan **slip kelulusan P.O.L** yang perlu dicetak setelah proses permohonan P.O.L selesai.
- 8.2 Jabatan pengguna yang disebut dalam pekeliling ini adalah merujuk kepada Kementerian/Jabatan/Pejabat Daerah.

9. TARIKH KUATKUASA

Surat pekeliling ini **berkuatkuasa serta merta**.

10. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan berhubung dengan **Sistem POL**, sila berhubung dengan **Penolong Bendahari Negeri/Akauntan Kanan**, Bahagian Pengurusan Akaun Awam, Jabatan Bendahari Negeri di talian **272279/272460**

atau

Encik Darius Joiwin /Encik Faizal Heesyham, Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri di talian **255133**

atau

Ketua Akauntan/Akauntan KWB, Cawangan Akaun Jabatan Kerja Raya di talian **244333**.

**PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI BIL.11 TAHUN 2016, BTW: 11 NOVEMBER
2016**

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"


(CHUA NGAN GO
Bendahari Negeri Sabah

s.k. Setiausaha Tetap,
Kementerian Kewangan
Wisma Kewangan
88593 KOTA KINABALU.

Pengarah Audit Negeri Sabah
Jabatan Audit Negara , Cawangan Negeri Sabah
Aras 4, Blok A, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
Jalan UMS
88450 KOTA KINABALU.

Pengarah
Jabatan Kerja Raya
Bangunan KPI
88582 KOTA KINABALU

Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri
Tingkat 1 & 2, Blok A
Wisma Kewangan
88999 KOTA KINABALU.